

MENJAUHI AJARAN SESAT

7 NOVEMBER 2025M | 16 JAMADILAWAL 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah Allah Taala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekal yang terbaik untuk kebahagiaan kita sama ada di dunia mahupun akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Antara nikmat terbesar yang wajib disyukuri, ialah nikmat berpegang kepada akidah yang benar yang dibawa oleh Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam dan didokong oleh generasi sahabat dan para salafus soleh selepasnya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-An'am ayat 153:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ ۖ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ ۚ

ذَلِكُمْ وَصَّاكُم بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ. (153)

Yang bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) menceraiberaikan kamu dari jalan Allah, dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertakwa.”

Imam Ibnu Kathir Rahimahullah dalam tafsirnya menukilkan bahawa Allah Taala menyeru orang mukmin supaya bersatu (berpegang kepada jemaah), dan melarang mereka daripada berselisih dan berpecah, kerana binasanya orang yang sebelum umat terdahulu adalah kerana banyak berselisih tentang agama Allah Taala dan sebagainya.

Nabi sallallahu alaihi wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Malik:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمَا بِهَمَا: كِتَابَ اللَّهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Yang bermaksud: “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selama mana kamu berpegang kepada kedua-duanya iaitu kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.”

Justeru, marilah kita bersatu berpegang dengan al-Quran dan sunnah sebagaimana menjadi dasar akidah Ahli Sunnah wal Jamaah manhaj al-Asyairah dan Maturidiah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Suatu hakikat pahit yang perlu kita hadapi ialah kewujudan ajaran sesat sebagaimana pesanan Nabi sallallahu alaihi wasallam dalam hadis riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibnu Majah yang bermaksud: *Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 firqah (ajaran), semuanya ke neraka kecuali satu kumpulan. Nabi ditanya: Siapakah dia wahai Rasulullah? Baginda bersabda: Mereka yang mengikutiku dan sahabat-sahabatku. Dalam riwayat lain: mereka adalah jemaah.*”

“Ahli Sunnah wal Jamaah” bermaksud mereka yang mengikuti jalan Nabi Sallahu alaihi wasallam dan jemaah para sahabat, para tabi'in, pengikut tabi'in dan para ulama muktabar yang sampai kepada kita pada hari ini. Maka berpegang teguhlah di atas jalan ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku Sultan Pahang telah kerap kali mengingatkan kita supaya menghindari ajaran-ajaran sesat agar keharmonian masyarakat negeri Pahang Darul Makmur sentiasa terjamin. Demikian juga, Fatwa Negeri Pahang telah juga memutuskan atau mewartakan senarai ajaran sesat dan menyeleweng, atau ajaran ekstrim yang membawa kesesatan dan penyelewengan, seperti Qadhiyani, Bahaie, Nasrul Haq, Ayah Pin, Tuhan Harun, Ajaran Si Hulk, Millah Abraham, Al-Arqam, ajaran pengikut GISBH, ajaran Salafiah dan Wahabiah; dan yang terbaharu “The Ahmadi Religion Of Peace and Light” atau “Agama

Ahmadi Cahaya dan Keamanan”. Senarai ini boleh didapati dalam laman web Jabatan Mufti Negeri Pahang.

Terkini, penularan fahaman songsang New Age Movement yang sudah mula menyusup ke dalam masyarakat Islam khususnya melalui platform motivasi, pembangunan diri, rawatan alternatif dan pembangunan spiritual. Gerakan ini membawa unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam dan boleh membawa kepada kesesatan dan kekufuran seperti menggabungkan agama, pluralisme agama, penyelewengan wahyu dan syariat. Oleh itu, berhati-hatilah, dan semua ajaran ini masih berusaha untuk terus disebarakan melalui fizikal dan media sosial dan cuba bertapak di negeri Pahang.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Ta’ala

Dalam berdepan dengan ajaran sesat, masyarakat hendaklah sensitif terhadap tanda-tanda kesesatan sesuatu ajaran seperti:

1. Membina perkara akidah dan keyakinan bertentangan dengan al-Quran dan sunnah, ijmak dan qias serta tafsiran-tafsiran ulama muktabar ahlu sunnah wal jamaah.
2. Mengutamakan arahan pemimpin kumpulan mereka, mencipta amalan, prosedur dan ritual baru dalam beragama yang ditolak oleh jumhur ulama kerana bercanggah dengan syariat dan kaedah-kaedah syarak.
3. Menyalahgunakan keharusan berlakunya karamah, tabaruk dan mengambil berkat daripada para Nabi dan orang saleh, untuk kepentingan diri sendiri,

mengagungkan pemimpin serta memprogramkan pengikut untuk memuja pemimpin.

4. Membuat pelbagai dakwaan untuk kepentingan kumpulan mereka berkait dengan peristiwa akhir zaman seperti Imam Mahdi, pengikut Nabi Isa dan lain-lain serta mempergunakan wang ringgit, wanita dan kanak-kanak.
5. Melarang ahli kumpulan mereka daripada bercampur dengan masyarakat luar dan mendengar majlis ilmu, tazkirah dan ceramah daripada penceramah yang bertauliah.
6. Mendokong ideologi kebebasan yang bertentangan dengan hukum syarak seperti menghalalkan amalan lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wajalla

Marilah kita mensyukuri usaha kerajaan negeri Pahang bagi memperkasakan hal ehwal agama Islam serta membendung ajaran sesat dan jenayah Syariah dengan mengambil langkah-langkah berikut:

1. Mewujudkan Enakmen Tarekat 2023 bagi memastikan kemurnian pengamalan Tasauif.
2. Jabatan Agama Islam Negeri Pahang berperanan mengawasi dan mengambil tindakan terhadap ajaran sesat dan kesalahan jenayah syariah di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang 2013

3. Peruntukan hukuman denda dan penjara iaitu sehingga RM5,000 atau penjara sehingga tiga (3) tahun atau kedua-duanya sekali kepada pesalah ajaran sesat dan sebarang kesalahan jenayah Syariah.

4. Peruntukan kewangan yang besar setiap tahun untuk memperkasakan syiar Islam dan pendidikan Islam negeri Pahang melalui Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي ۖ وَسُبْحَانَ اللَّهِ

وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ (108)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.